



KENYATAAN SEBUTHARGA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

- a) Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang beralamat **di dalam Negeri Selangor** serta berdaftar dengan Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :-

BIL	NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK	GRED & PENGKUSUSAN	HARGA (RM)	TARIKH JUAL DAN TUTUP
1.	MPS/SH/213/16	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Gelanggang Bola Keranjang Kampung Baru Kundang, Selangor Darul Ehsan	Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Masih Sah Gred G2 Kategori CE & B Pengkhususan CE21 & B04	80.00	10/11/2016 hingga 17/11/2016

- b) Dokumen Sebutharga boleh didapati di Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, dari jam 8.30pagi – 12.45tengahari, 2.15petang – 4.30petang (Isnin– Khamis), 8.30pagi –11.45tengahari, 3.00petang – 4.30petang (Jumaat).
- c) Bayaran dokumen sebutharga akan dikenakan **6% Goods & Services Tax (GST)**. Bayaran boleh dibuat **secara tunai** di Majlis Perbandaran Selayang (bayaran ini tidak akan dikembalikan).
- d) Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil – wakil kontraktor dikehendaki membawa bersama-sama **Surat Wakil Kuasa**.
- e) Kontraktor yang berminat hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL DAN SALINAN** yang masih sah tempoh untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen :
- i) **Sijil Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**
 - ii) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan**
 - iii) **Sijil Taraf Bumiputera**
 - iv) **Salinan Surat Perakuan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**
- f) Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan** tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup sebutharga.
- g) Untuk maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan **di talian 03-6126 5838**.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**